

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (13)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 22/12/16

Bismillahirrahmanirrahim

Sesungguhnya khalifah atau raja-raja itu memegang peranan pengganti kenabian dalam urusan menjaga agama dan mengatur dunia. Pemberian jabatan kepimpinan ini kepada orang yang berupaya melaksanakan tugas tersebut ke atas umat Islam adalah wajib berdasarkan ijma' ulama ahlussunnah wal jamaah.

Dalam sistem pemerintahan yang mengikuti *usul al-fiqh al-siyasi* atau kaedah bagaimana sesebuah negara itu diperintah mengikut landasan syariat, Khalifah atau Raja dibantu oleh Menteri atau Wazirnya, yang terbahagi kepada dua jabatan, iaitu jabatan *Wizarah at-Tafwidh* atau Menteri Tafwidhi (Menteri Berkuasa) dan jabatan *Wizarah at-Tanfidz* atau Menteri Tanfidzi (Menteri Pelaksana). Peranan jemaah menteri adalah untuk membantu Khalifah atau Raja dalam segala urusan pemerintahan, kerana tidak mungkin tanggungjawab dipikul oleh Ketua Negara secara bersendirian, ianya sangat memerlukan dokongan daripada jemaah menteri yang dapat mengganti atau mewakilinya dalam hal pengurusan rakyat dan negara.

Dalam ayat al-Quran ada menyebut : *“Dan jadikanlah untukku seorang Menteri (Wazir) dari keluargaku, iaitu Harun saudaraku. Teguhkanlah dengan dia kekuatanku dan jadikanlah dia sekutu dari urusanku.”* (Thoha: 29-32)

Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud :

“Apabila Allah menghendaki akan kebaikan dengan raja, Allah menjadikan baginya seorang wazir yang baik (jujur), jika ia lupa, wazirnya akan memberi peringatan kepadanya, dan jika ia ingat, wazirnya akan menolongnya. Dan apabila Allah menghendaki dengannya selain demikian, Allah menjadikan wazirnya yang jahat, apabila raja lupa, tidak ada yang mengingatkannya, dan apabila raja ingat, tidak ada yang menolongnya.” (HR An_Nasa'i)

Apakah perbezaan di antara Menteri Tafwidhi (Menteri Berkuasa) dan Menteri Tanfidzi (Menteri Pelaksana)?

Menurut Imam al-Mawardi dalam kitab *al-Ahkam al Sulthaniyah wa al-Wilayah al-Diniyyah* (Hukum-hukum penyelenggaraan negara dalam syariat Islam), perbezaan diantara Menteri Tafwidhi dan Menteri Tanfidzi adalah kerana sememangnya kuasa otoriti yang digariskan pada kedua jabatan ini tidak sama. Menteri Tafwidhi disebut juga sebagai Menteri Berkuasa Penuh sedangkan Menteri Tanfidzi adalah Menteri Pelaksana, berikutan empat perkara yang dibolehkan Menteri Tafwidhi melakukannya, sedangkan perkara-perkara ini tidak diizinkan untuk dibuat oleh Menteri Tanfidzi, iaitu:

Pertama: Menteri Tafwidhi dibenarkan menjalankan urusan pemerintahan dan boleh mengelolakan rayuan tentang kezaliman,

Kedua: Menteri Tafwidhi boleh mengangkat gabenor dan pegawai berdasarkan ijtihadnya

Ketiga: Menteri Tafwidhi boleh mengurus dan memimpin pasukan tentera serta mengelolakan peperangan mengikut ijtihadnya

Keempat: Menteri Tafwidhi diberi kuasa penuh untuk menguruskan kewangan Baitulmal, menyimpan atau mengeluarkan mengikut ijtihadnya

Wizarah at-Tafwidh atau Menteri Tafwidhi diberi kuasa penuh oleh Khalifah atau Sultan@ Raja untuk menjalankan semua urusan pentadbiran negeri mengikut pertimbangan dan kebijaksanaannya sendiri serta melaksanakan menurut ijtihadnya. Kuasa penuh yang dimiliki oleh Menteri Tafwidhi ini meletakkannya sebagai orang kedua terpenting selepas Khalifah atau Sultan.

Di atas kepentingan dan keluasan bidang kuasa *Wizarah at-Tafwidh* ini, dikatakan bahawa jabatan ini bukanlah pengantara diantara Ketua Negara dengan rakyat jelata, tetapi ianya layak digelar sebagai 'Ketua Negara yang kedua'.

Wizarah al-Tafwidh tidak dikhususkan kepada mana-mana jabatan atau bahagian tugas kerana skop kuasanya umum dan ianya juga tidak menjalankan pentadbiran, tetapi dia berkuasa mengawas secara umum terhadap semua jentera pentadbiran. Malahan *Wizarah al-Tafwidh* layak membentuk jemaah menterinya atau melucutkan jawatan menterinya tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Ketua Negara.

Antara bidang tugas khusus yang diamanahkan kepada Menteri Tafwidhi adalah boleh memutuskan sesuatu perkara melalui ijtihadnya, berhak dan dibenarkan mengadakan perjanjian dengan pihak lain, bertindak sebagai hakim atau mewakilkan orang lain sebagai hakim bagi pihaknya, menjadi Ketua Pengadil Mahkamah dan boleh melantik penggantinya bila perlu serta melaksanakan sebarang hal urusan negara secara langsung atau mewakilkannya kepada orang lain.

Sementara Menteri Tafwidhi tidak boleh sama sekali melakukan tiga perkara berikut iaitu: Melantik Khalifah atau Sultan, menghasut rakyat untuk menggulingkan Khalifah atau Sultan, dan melucutkan jawatan pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh Khalifah atau Sultan.

Dalam sistem pemerintahan tradisional Tanah Melayu, iaitu Institusi Kesultanan, peranan Bendahara sebagai penguasa bersama atau *co-ruler* hampir mirip dengan jabatan *Wizarah al-Tafwidh*, kecuali wujud beberapa syarat adat yang bersifat harus tanpa melanggar *usul al-fiqh al-siyasi*, contohnya pemilihan Bendahara dibataskan pada lingkungan keluarga dan kaum kerabat bendahara (yang bergelar Tun),

Suatu kesilapan ketara dalam pentafsiran golongan orientalis serta anak didik mereka tentang jabatan Bendahara dalam institusi kesultanan Melayu adalah dengan menyamakan jawatan tersebut dengan jawatan Perdana Menteri seperti yang terdapat dalam corak pemerintahan moden masakini (demokrasi sekular). Kesilapan ini samalah seperti mentafsirkan pemerintahan Raja-raja Melayu sebagai pemerintahan feudal sepertimana corak pemerintahan monarki di Eropah, walhal perbezaannya adalah seperti langit dan bumi.

Jika dilihat dari sudut pandangan Islam, jawatan Bendahara adalah sebenarnya Menteri Tafwidhi sebagai satu bahagian yang penting dalam corak pemerintahan yang mengikut *usul al-fiqh al-siyasi*. Perkara ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam artikel yang akan datang.

Wallahu 'alam bissawab